

3

Tinjauan Ekonomi Antarabangsa

Prestasi Ekonomi Global

Ekonomi dunia dalam tahun 2000 kembali pulih dari krisis kewangan 1997–1998 dan dijangka mencatat pertumbuhan paling mantap dalam tempoh melebihi satu dekad. Perdagangan dunia berkembang dengan pesat seiring dengan pertumbuhan ekonomi yang mantap. Prestasi ini dicapai dalam konteks kadar inflasi yang rendah walaupun berlaku kenaikan dalam harga minyak baru-baru ini. Selaras dengan arah aliran yang menggalakkan ini, rantau-rantau utama dunia dijangka mencatatkan prestasi ekonomi lebih dari jangkaan.

Sejajar dengan pemulihan ekonomi dunia, kedudukan kewangan global secara keseluruhannya dijangka bertambah baik. Aliran pelaburan asing langsung (FDI) global dijangka melebihi satu trilion dolar pada tahun 2000 berbanding AS\$800,000 juta pada tahun 1999. Amerika Syarikat (AS) dijangka terus kekal sebagai penerima aliran FDI yang terbesar, manakala aliran FDI ke negara-negara membangun dijangka kembali pulih setelah terjejas dalam tempoh krisis 1997-1998. Aliran FDI ke Jepun juga dijangka meningkat dengan ketara.

Keluaran Dunia

Pertumbuhan dalam keluaran dunia dijangka meningkat kepada 4.7% (1999: 3.4%), berikutan pertumbuhan ekonomi di Eropah yang melebihi jangkaan, pemulihan yang baru bermula di Jepun, pengukuhan ekonomi-ekonomi Asia Timur dan terutamanya pertumbuhan yang terus kukuh dalam ekonomi AS, seperti di *Jadual 3.1*. Negara-negara perindustrian dijangka mencatatkan kadar pertumbuhan yang kian meningkat iaitu sebanyak 3.9% (1999: 3%) manakala prestasi ekonomi negara-negara membangun dijangka mencatatkan

peningkatan ke tahap 5.6% pada tahun 2000 (1999: 3.8%), didorong oleh pemulihan semula yang kukuh di ekonomi-ekonomi Amerika Latin, Timur Tengah dan Asia. Negara-negara peralihan juga dijangka mencatat pertumbuhan yang kukuh pada tahap 4.9% (1999: 2.4%) disokong oleh peningkatan prestasi ekonomi di Rusia.

Perdagangan Dunia

Jumlah perdagangan barang dan perkhidmatan dunia dijangka meningkat dengan ketara kepada 10% (1999: 5.1%). Import oleh negara maju dijangka meningkat dengan pesat kepada 10.3% (1999: 7.6%) didorong oleh pertumbuhan import yang kukuh di AS, Jepun dan kawasan euro. Eksport negara maju dijangka meningkat secara mendadak kepada 9.9% (1999: 4.8%), berikutan

Jadual 3.1

Petunjuk Ekonomi Global (% Perubahan)

	KDNK Benar			Inflasi ¹		
	1999	2000	2001	1999	2000 ^a	2001 ^u
Dunia	3.4	4.7	4.2	t.d.	t.d.	t.d.
Negara-negara maju	3.2	4.2	3.2	1.4	2.3	2.1
Negara-negara perindustrian	3.0	3.9	3.0	1.5	2.3	2.0
Negara-negara membangun	3.8	5.6	5.7	6.6	6.2	5.2
Negara-negara peralihan	2.4	4.9	4.1	43.8	18.3	12.5

¹ Harga-harga pengguna purata yang diwajarkan.

^a Anggaran.

^u Unjuran.

t.d. tiada data.

Sumber: IMF World Economic Outlook, September 2000.

pertambahan permintaan dalaman dari ekonomi-ekonomi baru. Jepun khususnya, dijangka mencatatkan pertumbuhan eksport yang kukuh dengan lonjakan dari 1.9% pada tahun 1999 kepada 9.7% pada tahun 2000 terutamanya disebabkan oleh pertambahan permintaan dari ekonomi Asia. Jumlah import barang dan perkhidmatan negara-negara membangun dijangka mencatat peningkatan yang ketara sebanyak 10% (1999: -0.1%) berikutan pemulihan ekonomi yang memberansangkan di kebanyakan rantau. Eksport negara-negara ini juga dijangka bertambah dengan ketara sebanyak 8.8% (1999: 3.5%) ekoran daripada peningkatan permintaan di negara-negara maju. Kemajuan prestasi perdagangan di negara-negara maju dan membangun pada amnya mencerminkan pengukuhan yang berterusan dalam ekonomi dunia.

Inflasi Dunia

Pada keseluruhannya, inflasi dunia dijangka kekal pada tahap yang rendah. Di kalangan negara-negara industri utama, harga minyak yang lebih tinggi, permintaan tempatan yang semakin kukuh, keadaan pasaran buruh yang ketat di AS dan mata wang euro yang lemah boleh menyumbang kepada inflasi. Namun demikian inflasi di negara-negara industri dijangka kekal rendah pada 2.3% (1999: 1.5%) walaupun terdapat sedikit peningkatan. Inflasi di negara-negara membangun pula dijangka berkurangan kepada 6.2 % (1999: 6.6 %).

Aliran Kewangan Di Pasaran-pasaran Baru

Ekonomi-ekonomi baru dijangka terus mencatatkan penurunan yang ketara dalam **aliran modal swasta bersih** pada tahun 2000 sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan pembayaran balik hutang asing oleh beberapa ekonomi besar serta pengurangan pinjaman oleh ekonomi-ekonomi di Asia. Di peringkat serantau, ekonomi-ekonomi Asia yang dilanda krisis kewangan, Timur Tengah dan Eropah dijangka mengalami aliran keluar modal swasta bersih. Sebaliknya, di kalangan pasaran-pasaran baru, ekonomi-ekonomi Amerika Latin dijangka mencatatkan aliran modal bersih positif yang terbesar diikuti oleh negara-negara peralihan.

Aliran modal swasta bersih, merangkumi pelaburan langsung bersih, pelaburan portfolio bersih dan lain-lain aliran pelaburan bersih jangka pendek

dan jangka panjang termasuk pinjaman rasmi dan persendirian, dianggarkan akan berkurangan kepada AS\$36,400 juta (1999: AS\$67,500 juta), iaitu paras terendah dalam tempoh hampir satu dekad, seperti di *Jadual 3.2*. Di antara aliran modal tersebut, FDI dijangka kekal sebagai sumber utama modal swasta kepada ekonomi-ekonomi baru dengan pelaburan langsung swasta bersih dianggarkan sebanyak AS\$141,900 juta (1999: AS\$154,600 juta). Pertumbuhan kukuh yang berterusan dalam FDI dijangka didorong oleh pelaburan di sektor-sektor elektronik, internet dan telekomunikasi wayarles di Korea, jangkaan penyertaan China ke Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan liberalisasi ke atas sekatan-sekatan penyertaan asing di beberapa anggota Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN). Pelaburan langsung swasta bersih di Amerika Latin dan negara-negara peralihan dijangka mencatat AS\$56,600 juta dan AS\$21,700 juta. Pelaburan langsung swasta bersih di Asia dijangka berjumlah AS\$47,500 juta manakala di Timur Tengah dan Afrika aliran pelaburan yang jauh lebih rendah dijangka dicatatkan sebanyak AS\$8,200 juta dan AS\$8,000 juta. Aliran-aliran modal bersih yang lain, terutamanya pinjaman-pinjaman bank, kerap turun naik dan dijangka merekodkan aliran keluar berjumlah AS\$122,800 juta (1999: AS\$91,900 juta) kesan daripada pembayaran balik pinjaman asing yang besar, terutamanya oleh bank-bank Asia. Pelaburan

Jadual 3.2

Aliran Modal Swasta Bersih Pasaran Ekonomi Baru (AS\$ juta)

	1999	2000 ^a	2001 ^u
Jumlah	67,500	36,400	116,000
Afrika	10,300	9,000	7,900
Asia	2,300	-17,800	23,600
Timur Tengah dan Eropah	1,100	-18,300	1,200
Amerika Latin	40,400	47,500	65,100
Negara-negara peralihan	13,400	16,000	18,200

^a Anggaran.

^u Unjuran.

Sumber: IMF World Economic Outlook, September 2000.

portfolio bersih dijangka mencapai tahap AS\$17,300 juta (1999: AS\$4,800 juta), berikutan aliran ekuiti yang besar kepada firma teknologi maklumat (IT).

Pasaran Kewangan

Dasar kewangan di kebanyakan negara telah diperketatkan akibat daripada tekanan inflasi yang disebabkan oleh kenaikan harga minyak dan perkembangan pesat di ekonomi-ekonomi utama. Sepanjang tahun ini, Bank Rizab Persekutuan AS, telah meningkatkan kadar pinjaman semalaman dengan sebanyak 175 mata asas. Pendekatan untuk mengawal inflasi telah diambil berikutan dengan peningkatan harga aset yang ketara pada tahun 1999 akibat stok teknologi yang kekal bernilai tinggi walaupun terdapat pembetulan harga pasaran pada April dan Mei 2000. Di Jepun, Bank Pusat telah mengeneipkan dasar **kadar faedah** sifar yang telah diamalkan selama 18 bulan yang lepas dan telah meningkatkan kadar faedah dengan sebanyak 25 mata asas pada Ogos 2000 sebagai respons kepada tanda-tanda peningkatan keyakinan perniagaan. Di Kesatuan Eropah (EU) pula, kadar faedah kekal di paras jauh lebih rendah berbanding dengan AS manakala kadar faedah di pasaran kewangan Asia secara amnya dijangka mengalami kenaikan.

Kenaikan dalam kadar faedah telah menyebabkan **penilaian saham** menurun. Harga saham telah menurun dengan ketara dalam tempoh pertengahan Mac hingga akhir Mei 2000. Pada akhir Jun kebanyakan paras indeks telah jatuh ke tahap jauh lebih rendah berbanding dengan kemuncaknya pada awal tahun 2000. Di AS dan negara-negara perindustrian yang lain, penurunan yang ketara adalah di sektor teknologi. Di Jepun, pasaran saham jatuh sebanyak 18.4% dalam tempoh 4 Januari hingga 16 Oktober 2000 disebabkan oleh kebimbangan mengenai keadaan ekonomi dan kesan daripada harga saham teknologi yang berubah-ubah. Di kalangan ekonomi-ekonomi baru, harga saham pada keseluruhannya turut jatuh antara Mac hingga Mei 2000 sebelum pulih semula pada Jun 2000. Pergolakan harga saham yang terbesar berlaku di Asia di mana sektor IT telah berkembang pesat sepanjang tahun ini. Di Korea, pasaran saham menurun berikutan daripada kebimbangan ke atas prestasi ekonomi dan pencapaian pelaksanaan penstrukturan semula sektor korporat dan kewangan. Pasaran ekuiti di negara-negara ASEAN

telah mengalami kerugian yang besar sejak awal tahun 2000. Dalam tempoh 4 Januari hingga 16 Oktober 2000, kejatuhan di pasaran Indonesia adalah sebanyak 41.2%, pasaran Filipina 40%, pasaran Singapura 26% dan pasaran Thai 48.2%, seperti di *Jadual 3.3*.

Perkembangan utama di **pasaran tukaran asing** menunjukkan kemerosotan mata wang euro berbanding dengan mata wang utama yang lain, iaitu melebihi 15% kadar nominal efektif sejak diwujudkan pada tahun 1999. Prestasi makroekonomi AS yang kukuh telah menukar persepsi pelabur terhadap potensi pertumbuhan jangka panjang di kawasan euro berbanding AS, dan seterusnya mengurangkan daya tarikan mata wang yang tunggal tersebut. Perbezaan kadar faedah di kawasan euro dan AS juga telah menyebabkan pergerakan dana yang membawa kepada mata wang euro menjadi lemah. Ini jelas boleh dilihat daripada aliran dana yang besar terutamanya FDI, dari kawasan euro ke AS.

Jadual 3.3
Pasaran Saham dan Tukaran Asing

	4 Januari 2000	16 Oktober 2000	% Perubahan
Pasaran Saham			
Indeks Komposit KL	832.80	766.18	-8.0
Jakarta	700.22	411.75	-41.2
Bangkok	498.46	258.08	-48.2
Manila	2,153.18	1,295.02	-40.0
Singapura	2,530.15	1,883.37	-26.0
Seoul	1,059.04	550.1	-48.0
Taipei	8,756.55	5,630.95	-36.0
Hong Kong SAR	17,072.82	14,973.40	-12.3
Tokyo	19,002.86	15,512.32	-18.4
Mata Wang (Berbanding dengan dolar AS)			
Ringgit Malaysia	3.8000	3.8000	0
Rupiah Indonesia	7,095.00	8,895.00	-20.2
Baht Thailand	37.12	43.325	-14.3
Won Korea	1,127.80	1,126.35	0.1
Peso Filipina	39.88	48.675	-18.1
Yen Jepun	102.485	107.80	-4.9
Dolar Taiwan Baru	30.9100	31.900	-3.1
Dolar Hong Kong SAR	7.7769	7.7973	-0.3
Dolar Singapura	1.6577	1.7527	-5.4
Euro ¹	1.0252	0.8551	-16.6

¹ Dolar AS berbanding dengan euro.

Sumber: Bursa Saham Kuala Lumpur, Bank Negara Malaysia.

Berbanding dengan euro, dolar AS lebih stabil dan telah meningkat kira-kira 5%. Di Jepun, kadar pertukaran terus mengalami tekanan peningkatan nilai yang menghampiri 30% berbanding dolar AS sejak 1998 yang memerlukan Kerajaan campur tangan berulang kali dalam pasaran pertukaran mata wang.

Di Asia, dua faktor telah menyebabkan kemerosotan nilai mata wang tempatan. Pertama, kenaikan kadar faedah dolar AS menyebabkan aset mata wang Asia telah menjadi kurang menarik; dan kedua, nilai beberapa mata wang telah merosot akibat persepsi peningkatan risiko. Rupiah Indonesia mengalami tekanan yang kuat dan jatuh sebanyak 20.2% berbanding dolar AS semenjak awal tahun 2000. Bagi tempoh 4 Januari hingga 16 Oktober 2000, *peso* Filipina telah juga mengalami kemerosotan sebanyak kira-kira 18.1%, *baht* Thailand 14.3% dan dolar Singapura 5.4%. Di Korea, Kerajaan terus campur tangan bagi menghadkan tekanan ke atas mata wang *won*.


Kedudukan Ekonomi Negara-negara Perindustrian

Tinjauan ekonomi dunia tahun 2000 pada keseluruhannya adalah positif berdasarkan kepada kekukuhan ekonomi yang berterusan di negara-negara perindustrian utama yang dijangka mencatatkan kadar purata pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada paras 3.9% (1999: 2.9%), seperti di *Jadual 3.4*. Walaupun tekanan inflasi membimbangkan, ia dijangka terkawal pada tahap 2.2% (1999: 1.4%). Defisit akaun semasa dijangka semakin besar kepada AS\$265,000 juta (1999: AS\$218,000 juta).

Amerika Syarikat sedang mengalami tempoh perkembangan ekonomi yang paling panjang terutamanya disebabkan oleh kekuatan permintaan pengguna dan pembentukan modal perniagaan. Pertumbuhan KDNK benar dijangka meningkat kepada paras 5.2% (1999: 4.2%). Pertumbuhan produktiviti yang kukuh telah menyumbang kepada penarikan masuk aliran modal yang besar ke AS yang seterusnya membantu peningkatan nilai dolar AS, meluaskan defisit akaun semasa dan menyokong penilaian tinggi pasaran ekuiti. Walau bagaimanapun, kebimbangan mengenai tekanan inflasi wujud akibat daripada kenaikan harga minyak, tekanan upah serta harga barang bukan-minyak yang diimport dan keadaan pasaran buruh

yang ketat. Kadar inflasi dijangka meningkat sebanyak 3.2% (1999: 2.2%). Perkembangan ekonomi yang kukuh telah membawa kepada pasaran buruh yang ketat dan menyebabkan kadar pengangguran menurun kepada 4.1% (1999: 4.2%). Di samping itu, akaun defisit semasa meluas pada keseluruhannya disebabkan oleh permintaan dalam negeri yang kukuh berbanding dengan pertumbuhan keluaran sejak dua tahun yang lalu sehingga mencapai AS\$419,000 juta atau 4.2% daripada KDNK (1999: AS\$331,000 juta atau 3.6% daripada KDNK).

Di **Jepun**, pemulihan yang sederhana telah bermula sejak awal tahun 1999 disokong oleh peningkatan keuntungan korporat dan pelaburan, terutamanya dalam sektor teknologi. Peningkatan dalam penggunaan persendirian serta perbelanjaan tambahan Kerajaan pada tahun tersebut dijangka menggalakkan lagi pertumbuhan ekonomi. Pertumbuhan KDNK dijangka mencapai 1.4% (1999: 0.2%). Namun demikian, Jepun dijangka mengalami deflasi yang akan menjangkau 0.2% (1999: -0.3%) dengan kadar pengangguran terus



kekal tinggi pada paras 5% (1999: 4.7%). Lebihan akaun semasa dijangka semakin meluas sehingga kepada AS\$121,000 juta atau 2.6% daripada KDNK (1999: AS\$107,000 juta atau 2.5% daripada KDNK), berikutan daripada kenaikan eksport ke Asia yang jauh melebihi import serta harga minyak yang semakin tinggi.

Kesatuan Eropah dijangka mencatat pertumbuhan KDNK sebanyak 3.4% (1999: 2.4%) disokong oleh keyakinan tinggi pengguna dan sektor perniagaan serta environmen luaran yang positif. Ekonomi global yang semakin kukuh dan kemerosotan euro berbanding mata wang lain telah menyumbang kepada pertumbuhan eksport. Peningkatan kegiatan ekonomi telah disusuli dengan penurunan kadar pengangguran kepada 8% (1999: 8.8%). Kadar inflasi dijangka kekal rendah pada 2.1% (1999: 1.4%), manakala lebihan akaun semasa

dijangka bertambah kepada AS\$39,000 juta (1999: AS\$25,000 juta).

Di **United Kingdom (UK)**, pertumbuhan KDNK benar dijangka meningkat kepada 3.1% (1999: 2.1%) yang disokong oleh penggunaan persendirian serta kesan kekayaan lampau dan prestasi sektor perkhidmatan yang kukuh. Kadar inflasi dijangka kekal rendah pada paras 2% (1999: 2.3%) disebabkan oleh kesan tertangguh daripada nilai paun sterling yang kukuh dan pemberian diskaun runcit yang meluas. Dengan berkembangnya ekonomi, kadar pengangguran dijangka menurun kepada 3.9% (1999: 4.3%). Defisit akaun semasa UK diramalkan bertambah meluas kepada AS\$21,000 juta atau 1.5% daripada KDNK (1999: -AS\$18,000 juta atau -1.2% daripada KDNK) disebabkan penurunan dalam jumlah eksport.

Jadual 3.4

Negara-negara Perindustrian Terpilih:
Petunjuk-petunjuk Utama Ekonomi

	Ekonomi-ekonomi Maju	Negara-negara Perindustrian Utama	Amerika Syarikat	Jepun	Jerman	United Kingdom	Perancis
Keluaran Dalam Negeri Kasar (%)							
1999	3.2	2.9	4.2	0.2	1.6	2.1	2.9
2000 ^a	4.2	3.9	5.2	1.4	2.9	3.1	3.5
2001 ^u	3.2	2.9	3.2	1.8	3.3	2.8	3.5
Inflasi (%)							
1999	1.4	1.4	2.2	-0.3	0.7	2.3	0.6
2000 ^a	2.3	2.2	3.2	-0.2	1.7	2.0	1.5
2001 ^u	2.1	1.9	2.6	0.5	1.5	2.4	1.1
Pengangguran (%)							
1999	6.3	6.0	4.2	4.7	8.3	4.3	11.3
2000 ^a	5.9	5.7	4.1	5.0	7.9	3.9	9.8
2001 ^u	5.7	5.8	4.4	5.3	7.6	4.0	8.8
Imbangan Akaun Semasa (AS\$ juta)							
1999	-134,000	-218,000	-331,000	107,000	-20,000	-18,000	39,000
2000 ^a	-176,000	-265,000	-419,000	121,000	-4,000	-21,000	36,000
2001 ^u	-188,000	-276,000	-438,000	122,000	t.d.	-29,000	47,000

^a Anggaran.

^u Unjuran.

t.d. tiada data.

Sumber: IMF World Economic Outlook, September 2000.


Di **Jerman**, KDNK dijangka meningkat pada kadar 2.9% (1999: 1.6%), didorong oleh eksport yang pesat, sentimen sektor perniagaan yang bertambah baik dan peningkatan kadar penggunaan kapasiti. Kegiatan ekonomi juga disokong oleh pertumbuhan penggunaan persendirian yang konsisten. Kadar pengangguran dijangka menurun kepada 7.9% (1999: 8.3%) manakala kadar inflasi dijangka meningkat kepada 1.7% (1999: 0.7%), terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga minyak. Pemulihan ekonomi yang kukuh di negara-negara EU, dan rantau dunia yang lain, di samping kemerosotan mata wang euro, telah meningkatkan eksport Jerman dan defisit akaun semasa dijangka turun dengan ketara kepada AS\$4,000 juta, atau 0.2% daripada KDNK (1999: -AS\$20,000 juta atau -0.9% daripada KDNK).

Di **Perancis**, pertumbuhan KDNK dijangka meningkat kepada 3.5% (1999: 2.9%) disebabkan oleh permintaan dalam dan luar yang kukuh. Kadar inflasi dijangka meningkat kepada 1.5% (1999: 0.6%), ekoran daripada harga minyak yang semakin tinggi dan kelemahan nilai mata wang yang telah menyebabkan harga import meningkat. Permintaan guna tenaga dijangka meningkat dengan pesat menyebabkan kadar pengangguran berkurangan kepada 9.8% (1999: 11.3%). Penguncupan nilai mata wang euro telah meningkatkan daya saing keluaran Perancis. Lanjutan daripada itu, imbalan akaun semasa dijangka stabil pada AS\$36,000 juta pada tahun 2000 atau 2.7% daripada KDNK (1999: AS\$39,000 juta atau 2.7% daripada KDNK).

Kedudukan Ekonomi Negara-negara Membangun

Negara-negara membangun dijangka mencatatkan pertumbuhan pesat sebanyak 5.6% (1999: 3.8%) dengan ekonomi negara-negara Asia seperti China dan India dijangka meningkat melebihi 7% pada tahun 2000. Kadar inflasi di negara-negara membangun diramalkan menurun kepada 6.2% (1999: 6.6%) manakala akaun semasa pula dijangka mencatatkan lebih berbilang AS\$21,000 juta (1999: -AS\$24,000 juta). Pada keseluruhannya, lebih ini dijangka dicatatkan oleh negara-negara Asia dan Timur Tengah ekoran daripada kenaikan harga minyak serta permintaan terhadap barangan IT.

Carta 3.2
Arah-Aliran Semasa Penentu Utama Ekonomi
Negara-Negara Perindustrian



1/ Angka bagi 2000 adalah anggaran.

2/ Kadar faedah purata yang diwajibkan oleh nilai purata dalam dolar AS.

3/ Kadar purata hasil bon-bon Kerajaan.

4/ Sehingga bulan Jun 2000.

5/ Akhir tempoh kecuali 2000, sehingga bulan September.

Sumber: IMF World Economic Outlook, September 2000,
Organisation for Economic Cooperation and Development (OECD)
Economic Outlook, June 2000.

Negara-negara ASEAN

Negara-negara ASEAN dijangka mencatatkan kadar pertumbuhan kukuh, didorong oleh perkembangan eksport yang pesat serta permintaan dalam negeri yang bertambah pulih. Peningkatan permintaan dunia terhadap barangan elektronik telah menyumbang kepada peningkatan pesat eksport Malaysia, Singapura dan Thailand, manakala cuaca baik di Filipina telah menambahkan hasil pengeluaran pertaniannya. Ekonomi AS yang mantap, pemulihan ekonomi Jepun yang semakin kukuh serta peningkatan jumlah perdagangan intra-ASEAN dijangka turut menyumbang kepada prestasi ekonomi serantau. Pada tahun 2000, pertumbuhan KDNK empat negara ASEAN yang terjejas teruk akibat krisis, iaitu Indonesia, Filipina, Thailand dan Malaysia dijangka mencatatkan pertumbuhan KDNK antara 4% hingga 7.5% (1999: 0.3% hingga 5.8%), seperti di *Jadual 3.5*.

Kadar inflasi di negara-negara ASEAN dijangka berada antara 0.5% hingga 5% (1999: 0.1% hingga 20.8%) disebabkan oleh lebih kapasiti dan dasar kewangan yang bersesuaian. Inflasi di Singapura dan Thailand dijangka meningkat sedikit, manakala di Indonesia ia dijangka merosot dengan ketara. Berikutan pemulihan ekonomi yang berasaskan eksport, kedudukan akaun semasa telah bertambah kukuh, terutamanya di negara-negara yang dilanda krisis. Walau bagaimanapun, lebih akaun semasa dijangka berkurangan ekoran daripada peningkatan pertumbuhan import yang lebih kukuh hasil daripada permintaan agregat dan harga minyak yang semakin tinggi.

Ekonomi **Indonesia** dijangka mencatatkan peningkatan yang mendadak kepada 4% (1999: 0.3%), berikutan pemulihan pelaburan dan eksport bukan minyak serta harga minyak yang lebih tinggi. Walaupun ekonomi terus berkembang, keyakinan pengguna masih lemah berikutan kelewatan dalam penyusunan semula korporat dan pembaharuan struktur. Kadar inflasi dijangka berkurang dengan ketara kepada 3.2% (1999: 20.8%), mencerminkan permintaan tempatan yang lemah berikutan penurunan kadar upah benar serta penyusutan kredit pengguna. Bagi sektor luar, lebih akaun semasa dijangka kekal pada paras 3.7% daripada KDNK (1999: 3.7%).

Pertumbuhan ekonomi **Filipina** dianggarkan mencapai 4% (1999: 3.3%). Eksport elektronik terutamanya separa-konduktor dijangka terus

Jadual 3.5

Negara-negara ASEAN Terpilih: Petunjuk-petunjuk Utama Ekonomi

	1999	2000 ^a	2001 ^u
Keluaran Dalam Negeri Kasar (%)			
Brunei	2.5	3.0	3.0
Indonesia	0.3	4.0	5.0
Malaysia	5.8	7.5	7.0
Filipina	3.3	4.0	4.5
Singapura	5.4	7.9	5.9
Thailand	4.2	5.0	5.0
Vietnam	4.2	4.5	5.4
Kadar Inflasi (%)			
Brunei	1.0	1.0	t.d.
Indonesia	20.8	3.2	5.2
Malaysia	2.8	1.8	2.2
Filipina	6.7	5.0	5.9
Singapura	0.1	1.4	2.1
Thailand	0.3	1.7	2.6
Vietnam	4.2	0.5	5.6
Imbangan Akaun Semasa (% daripada KDNK)			
Brunei	t.d.	t.d.	t.d.
Indonesia	3.7	3.7	1.3
Malaysia	15.9	10.6	8.2
Filipina	9.4	8.0	3.8
Singapura	25.0	23.6	22.8
Thailand	9.1	7.2	5.9
Vietnam	4.4	2.5	0.5

^a Anggaran.

^u Unjuran.

t.d. tiada data.

Sumber: IMF World Economic Outlook, September 2000, Asian Development Bank (ADB) Outlook for 2000.

menggalakkan selari dengan peningkatan permintaan global bagi barangan elektronik yang meningkat. Peningkatan eksport yang terus mantap akan membantu merangsang ekonomi, semasa permintaan tempatan semakin lembap. Kadar inflasi dijangka berkurangan kepada 5% (1999: 6.7%) selaras dengan paras harga makanan yang stabil berikutan dari pengeluaran sektor pertanian yang meningkat. Lebihan imbalan akaun semasa dijangka merosot kepada 8% daripada KDNK (1999: 9.4%).

Ekonomi **Singapura** dijangka mencatatkan pertumbuhan 7.9% (1999: 5.4%) didorong oleh permintaan global yang kukuh terhadap barangan elektronik serta peningkatan jumlah perdagangan intra-Asia. Pengeluaran sektor pembuatan dan perkhidmatan runcit dijangka terus menjana pertumbuhan ekonomi. Kadar inflasi dijangka meningkat kepada 1.4% (1999: 0.1%) disebabkan oleh kenaikan harga minyak. Lebihan akaun semasa dijangka berkurang kepada 23.6% daripada KDNK (1999: 25%).

Ekonomi **Thailand** dijangka mencatat pertumbuhan berterusan pada kadar 5% (1999: 4.2%). Sektor pembuatan dijangka kekal sebagai penggerak utama kepada pertumbuhan keluaran. Walau bagaimanapun, nilai mata wang *baht* yang lemah, kenaikan harga minyak, paras hutang awam yang tinggi serta kelembapan proses penstrukturan semula sektor korporat boleh menjejaskan sentimen pengguna dan kadar pertumbuhan. Peningkatan harga minyak memberi kesan kepada kadar inflasi yang dijangka meningkat perlahan kepada 1.7% (1999: 0.3%) manakala lebihan akaun semasa dijangka berkurang kepada 7.2% daripada KDNK (1999: 9.1%).

Ekonomi Negara-negara Asia Timur

Pemulihan kegiatan ekonomi negara-negara Asia Timur iaitu Jepun, China, Korea Selatan, Taiwan dan Hong Kong *Special Administrative Region* (SAR) dijangka akan berterusan pada tahun 2000, seperti di *Jadual 3.6*. Eksport yang kukuh berikutan peningkatan permintaan antarabangsa ke atas barangan elektronik, pertambahan permintaan dalam negeri dan peningkatan perdagangan intra-wilayah merupakan pemangkin utama kepada pertumbuhan yang kukuh di kebanyakan ekonomi tersebut, terutamanya Taiwan dan Hong Kong SAR. Kadar inflasi di kebanyakan ekonomi ini

dijangka stabil dan kekal rendah. Walau bagaimanapun, kenaikan harga minyak boleh mengakibatkan sedikit tekanan inflasi.

Di **Jepun**, kegiatan ekonomi yang dijangka meningkat pada tahun 2000 adalah hasil daripada dasar makroekonomi yang bersesuaian dan dasar fiskal yang mengembang. Pemulihan ekonomi tersebut telah didorong oleh eksport dan pelaburan tetap perniagaan, dan pelaburan tersebut disebabkan oleh perbelanjaan dalam aktiviti IT. Di samping itu, terdapat juga peningkatan keuntungan korporat yang ketara berikutan usaha-usaha penstrukturan semula dan pelarasan inventori. Keadaan yang semakin baik ini membolehkan Jepun mengimport lebih banyak barangan dari Asia Timur, dan dengan itu mendorong proses pemulihan di rantau ini. Selain itu, syarikat-syarikat Jepun sedang meningkatkan pengeluaran di Asia yang menunjukkan bahawa

Jadual 3.6

Ekonomi-ekonomi Asia Timur: Petunjuk-petunjuk Utama Ekonomi

	1999	2000 ^a	2001 ^u
Keluaran Dalam Negeri Kasar (%)			
Jepun	0.2	1.4	1.8
China	7.1	7.5	7.3
Hong Kong SAR	2.9	8.0	4.8
Korea Selatan	10.7	8.8	6.5
Taiwan	5.7	6.5	6.0
Kadar Inflasi (%)			
Jepun	-0.3	-0.2	0.5
China	-1.4	0.5	1.2
Hong Kong SAR	-4.0	-2.5	2.0
Korea Selatan	0.8	2.2	3.0
Taiwan	0.2	1.6	2.3
Imbalan Akaun Semasa (% daripada KDNK)			
Jepun	2.5	2.6	2.6
China	1.6	1.6	1.3
Hong Kong SAR	5.9	6.9	6.8
Korea Selatan	6.1	2.3	0.4
Taiwan	2.5	2.1	2.2

^a Anggaran.

^u Unjuran.

Sumber: IMF World Economic Outlook, September 2000.

aliran keluar FDI dari Jepun sedang meningkat. Perkembangan positif ini merupakan petanda baik bagi rantau ini memandangkan peranan Jepun yang penting sebagai jentera pertumbuhan ekonomi di rantau Asia Timur.

Di **China**, pertumbuhan dijangka terus kukuh pada 7.5% (1999: 7.1%) didorong oleh eksport dan kesan positif daripada dasar lalu Kerajaan untuk menggalakkan penggunaan. Dasar kewangan dijangka kekal bersesuaian, manakala dasar fiskal dijangka kukuh dalam suasana kegiatan ekonomi yang lebih pesat. Kadar inflasi sepanjang tahun dijangka berada pada paras 0.5% (1999: -1.4%) akibat daripada kenaikan harga bahan-bahan mentah dan sumber tenaga. Jumlah nilai perdagangan bagi tujuh bulan pertama adalah sebanyak AS\$257,600 juta, iaitu 36.3% lebih tinggi dari tempoh yang sama pada tahun 1999. Eksport telah melonjak sebanyak 35.8% kepada AS\$136,000 juta, manakala import yang berjumlah AS\$121,600 juta telah menghasilkan lebihan dagangan sebanyak AS\$14,400 juta. Lebihan akaun semasa bagi negara China dijangka kekal pada tahap 1.6% daripada KDNK.

Pertumbuhan ekonomi **Korea Selatan** dijangka berkurang kepada 8.8% berbanding dengan kadar yang lebih pesat sebelum itu (1999: 10.7%). Prestasi yang mantap ini disokong oleh pertumbuhan kukuh dalam eksport, pelaburan modal dalam kilang dan peralatan, pembangunan dalam IT dan kemunculan beberapa perusahaan kecil yang baru. Berbanding dengan separuh pertama tahun 1999, kadar purata inflasi bagi enam bulan pertama 2000 adalah 1.5% dan dijangka meningkat pada enam bulan terakhir tahun tersebut akibat dari kenaikan harga minyak dan penambahan permintaan tempatan. Kadar inflasi untuk tahun ini dijangka berada pada paras 2.2% (1999: 0.8%). Imbangan akaun perdagangan dijangka menurun kepada 2.3% daripada KDNK (1999: 6.1% daripada KDNK).

Ekonomi **Taiwan** dijangka berkembang pada kadar 6.5% (1999: 5.7%) hasil dari pertumbuhan kukuh permintaan dalam negeri. Kadar inflasi dijangka meningkat kepada 1.6% (1999: 0.2%) akibat daripada peningkatan harga minyak. Import dijangka bertambah kukuh berbanding dengan eksport berikutan peningkatan permintaan import yang disebabkan oleh penambahan pelaburan swasta dan kegiatan pembinaan semula selepas gempa bumi. Lebihan akaun dagangan diramal

merosot kepada AS\$6,300 juta (1999: AS\$10,900 juta) mengakibatkan imbangan akaun semasa berkurangan kepada 2.1% daripada KDNK (1999: 2.5% daripada KDNK).

Kadar pertumbuhan di **Hong Kong SAR** dijangka meningkat dengan ketara kepada 8% (1999: 2.9%), didorong oleh pemulihan dalam pelaburan dan permintaan luar yang kukuh. Tekanan deflasi semakin berkurangan dan kadarnya dijangka di paras 2.5 % (1999: -4 %). Di sektor luar, bagi tujuh bulan pertama tahun 2000, nilai jumlah eksport telah bertambah sebanyak 17% berbanding dengan nilai tahun lepas. Dalam tempoh yang sama, nilai import meningkat 19.8%, mengakibatkan defisit perdagangan yang ketara sebanyak AS\$7,300 juta. Imbangan akaun semasa diramal meningkat kepada 6.9% daripada KDNK (1999: 5.9% daripada KDNK).

Amerika Latin

Bagi rantau Amerika Latin, pertumbuhan KDNK dijangka berkembang dengan kukuh kepada 4.3% pada tahun 2000 (1999: 0.3%) kerana eksport yang pesat, terutamanya ke AS, serta pemulihan keyakinan pengguna. Kadar inflasi dijangka menurun kepada 8.9% (1999: 9.3%). Defisit akaun semasa dijangka berkurang kepada 2.9% daripada KDNK (1999: -3.1%), mencerminkan pertumbuhan eksport yang pesat serta syarat perdagangan yang bertambah baik berikutan harga komoditi yang lebih kukuh.

Proses pemulihan ekonomi **Argentina** dijangka terus rapuh. Keyakinan tempatan terus kekal lemah serta pertumbuhan pengeluaran perindustrian dijangka semakin perlahan. KDNK benar dijangka meningkat secara sederhana pada paras 1.7% (1999: -3.1%). Kadar deflasi harga dijangka pada paras 0.7% (1999: -1.2%). Akaun semasa dijangka kekal berada di dalam keadaan defisit pada tahap 3.7% daripada KDNK (1999: -4.4% daripada KDNK).

Setelah pulih daripada penurunan nilai mata wang pada tahun lepas, ekonomi **Brazil** dijangka berkembang pada kadar 4% pada tahun ini (1999: 1%) didorong oleh faktor-faktor dalaman dan luaran. Peningkatan guna tenaga, pemulihan pendapatan benar dan kelonggaran syarat-syarat kewangan dijangka merangsang penggunaan serta pelaburan swasta bagi separuh kedua tahun 2000. Kadar

inflasi dijangka dapat dibendung pada paras 7.5% (1999: 4.9%) mencerminkan kesan minimum ke atas harga daripada penyusutan nilai kadar tukaran. Kedudukan eksport yang kukuh dijangka menghasilkan lebih dagangan pada tahun 2000. Walau bagaimanapun, akaun semasa dijangka terus mencatatkan defisit berjumlah 3.9% daripada KDNK (1999: -4.6% daripada KDNK).

Ekonomi **Mexico** dijangka berkembang kukuh pada kadar 6.5% (1999: 3.5%) disokong oleh dasar makroekonomi yang berhemat, kenaikan harga minyak, perkembangan pesat ekonomi AS serta peningkatan perbelanjaan pengguna dan permintaan terhadap barangan pelaburan. Kadar inflasi dijangka terus berkurangan kepada 9.5% (1999: 16.6%) manakala akaun semasa dijangka mencatatkan defisit 3.5% daripada KDNK (1999: -2.9% daripada KDNK).

Setelah mengalami penguncupan 7.2% pada tahun 1999, ekonomi **Venezuela** dijangka mencatatkan pertumbuhan yang positif sebanyak 2.5% pada tahun 2000. Walaupun kadar inflasi dijangka menurun kepada 17% (1999: 23.6%), ianya masih tinggi jika dibandingkan dengan negara-negara Amerika Latin yang lain. Peningkatan harga minyak baru-baru ini dijangka memperbaiki kedudukan imbalan luar di mana lebih akaun semasa dijangka mencapai 7.3% daripada KDNK (1999: 4.4% daripada KDNK).

Timur Tengah, Afrika dan Asia Selatan

Pertumbuhan di negara membangun di Timur Tengah, Afrika dan Asia Selatan dijangka kukuh, seperti di *Jadual 3.7*. Pemulihan harga minyak di pasaran dunia telah meningkatkan aktiviti ekonomi dan prospek kebanyakan negara pengeluar minyak di Timur Tengah dan Afrika. Negara-negara ini juga akan menikmati kedudukan fiskal dan imbalan luar yang lebih kukuh. Walau bagaimanapun, di kebanyakan negara-negara bukan pengeksport minyak, harga eksport yang terus lemah bagi komoditi bukan bahanapi serta komoditi utama lain dijangka memperlahankan kadar pertumbuhan khususnya di Afrika.

Di **Arab Saudi**, harga minyak yang tinggi serta dengan keputusan Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Minyak (OPEC) pada bulan Mac, Jun dan September 2000 untuk meningkatkan pengeluaran akan membantu menjana lebih

fiskal dan akaun semasa. Faktor-faktor ini dijangka meningkatkan kadar pertumbuhan kepada 3.5% (1999: -1%). Inflasi akan kekal rendah pada kadar 1% (1999: -1.2%). Lebih akaun semasa dijangka mencatatkan jumlah yang besar pada kadar 6.6% daripada KDNK (1999: -1.2% daripada KDNK).

Di **Iran**, kedudukan fiskal dan sektor luar dijangka meningkat dengan ketara akibat kenaikan harga minyak. Pertumbuhan dijangka mencatat kadar 3.4% (1999: 2.5%) manakala inflasi akan kekal tinggi pada tahap 16% (1999: 20.4%). Imbalan akaun semasa pada 2000 dijangka bertambah baik kepada 7.7% daripada KDNK (1999: 5% daripada KDNK).


Di **Mesir**, pertumbuhan dijangka menurun kepada 5% (1999: 6%). Inflasi dijangka berkurang kepada 2.9% (1999: 3.8%) ekoran dari pertumbuhan yang lebih sederhana. Bagi sektor luar, eksport dagangan dan perkhidmatan, khususnya pelancongan, meningkat hasil daripada perkembangan pesat ekonomi dan perdagangan dunia. Defisit akaun semasa dijangka menguncup kepada 1.8% daripada KDNK (1999: -2% daripada KDNK).

Pemulihan ekonomi **Afrika Selatan** semakin kukuh dan pertumbuhan diramal meningkat kepada 3% (1999: 1.2%). Pemulihan semula ini telah dibantu oleh dasar-dasar makroekonomi yang kukuh, daya saing luaran yang meningkat dan perkembangan dalam keluaran dunia. Harga minyak yang lebih tinggi dan penyusutan nilai mata wang *rand* serta pemulihan ekonomi telah mengakibatkan tekanan inflasi tetapi ianya diimbangi oleh peningkatan dalam daya pengeluaran. Inflasi dijangka berada pada paras 4.7% (1999: 5.2%). Akaun semasa dijangka kekal mencatatkan defisit pada 0.7% daripada KDNK (1999: -0.4% daripada KDNK).

Nigeria telah mendapat faedah daripada pengukuhan pasaran minyak dan KDNK dijangka meningkat kepada kadar 3.5% (1999: 1.1%). Inflasi dijangka berkurang kepada 5.1% (1999: 6.6%). Imbalan perdagangan dijangka mencatatkan lebih berjumlah AS\$7,000 juta hasil daripada harga minyak yang semakin tinggi. Imbalan akaun semasa dijangka menunjukkan lebih pada kadar 2.4% daripada KDNK (1999: -11% daripada KDNK).

Pertumbuhan ekonomi **India** dijangka meningkat kepada kira-kira 6.7% (1999: 6.4%) walaupun terdapat kesan-kesan negatif daripada krisis rantau

Carta 3.3
Negara-Negara Membangun:
Petunjuk-Petunjuk Utama Ekonomi



Asia ke atas eksportnya dan kenaikan harga minyak. Kadar inflasi dijangka meningkat kepada 5.6% (1999: 4.7%) ekoran daripada peningkatan tekanan ke atas kos yang disebabkan oleh kenaikan harga minyak. Defisit akaun semasa dijangka mengembang kepada 1.2% daripada KDNK (1999: -0.6% daripada KDNK).

Di **Pakistan**, kadar pertumbuhan ekonomi dijangka meningkat dengan kukuh kepada 5.6% (1999: 2.7%) hasil daripada pemulihan dalam pengeluaran pertanian yang menyumbang lebih dari seperempat daripada keluaran negara. Kadar inflasi dijangka menurun kepada 3.6% (1999: 5.7%) manakala defisit akaun semasa dijangka bertambah baik kepada 2.2% daripada KDNK (1999: -3.8% daripada KDNK).

Kedudukan Ekonomi Negara-Negara Peralihan

Permintaan dalam negeri Rusia yang lebih daripada jangkaan dan peningkatan hasil beberapa ekonomi negara peralihan pengeluar minyak telah menyumbang kepada prestasi yang lebih baik bagi negara-negara peralihan. KDNK dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh pada kadar 4.9% (1999: 2.4%).

Jadual 3.7

Negara-Negara Membangun: Petunjuk-petunjuk Utama Ekonomi

	KDNK Benar (%)			Inflasi ¹ (%)			Imbangan Akaun Semasa (AS\$ juta)		
	1999	2000 ^a	2001 ^u	1999	2000 ^a	2001 ^u	1999	2000 ^a	2001 ^u
Negara Membangun Mengikut Rantau	3.8	5.6	5.7	6.6	6.2	5.2	-24,000	21,000	-30,000
Afrika	2.2	3.4	4.4	11.8	12.7	8.6	-17,000	-4,000	-9,000
Asia	5.9	6.7	6.6	2.4	2.4	3.3	45,000	39,000	24,000
Amerika Latin	0.3	4.3	4.5	9.3	8.9	7.0	-56,000	-59,000	-66,000
Timur Tengah	2.8	4.8	3.6	7.9	7.4	7.1	4,000	44,000	21,000

¹ Harga-harga purata pengguna yang diwajarkan.

^a Anggaran.

^u Unjuran.

Sumber: IMF World Economic Outlook, September 2000.

Pemulihan ekonomi **Rusia** yang berterusan ke tahun 2000 didorong oleh kenaikan harga minyak, dengan minyak mentah dan gas asli menyumbang sepertiga daripada eksport. KDNK dijangka meningkat dengan kukuh kepada 7% (1999: 3.2%). Walaupun kadar inflasi menurun secara mendadak jika dibanding dengan tahun lepas, ianya dijangka kekal tinggi pada kadar 18.6% (1999: 85.9%). Ini adalah kesan daripada kenaikan harga tenaga tempatan dan penawaran wang yang berkembang pesat menyebabkan peningkatan tahap harga secara keseluruhan. Harga minyak yang tinggi serta pertumbuhan yang kukuh dalam eksport bukan minyak telah mengukuhkan kedudukan sektor luar. Lebihan akaun semasa berjumlah 13.4% daripada KDNK (1999: 11.3% daripada KDNK).

Perkembangan Serantau

Setelah kembali pulih daripada krisis kewangan 1997-1998, Asia Timur sekali lagi mencatat pertumbuhan KDNK yang tinggi, menjadikannya antara ekonomi baru yang menikmati pertumbuhan paling pesat. Dengan penekanan terhadap dasar makroekonomi yang berkesan dan konsisten, sektor kewangan dan korporat yang terjejas akibat krisis tersebut, kini lebih bersedia untuk menghadapi cabaran globalisasi dan liberalisasi. Sungguhpun ketahanan dalaman telah wujud, namun krisis kewangan telah menunjukkan bahawa struktur ekonomi masih terdedah kepada kejutan luar dan risiko sistemik, terutamanya yang timbul daripada ketidakstabilan sistem kewangan antarabangsa. Berasas kepada keperluan mengawal dan mengelak berulangnya krisis kewangan, beberapa inisiatif pada peringkat serantau telah diambil, terutamanya melalui proses Menteri-Menteri Kewangan ASEAN manakala di peringkat antarabangsa, usaha giat sedang diambil bagi menangani kelemahan-kelemahan arkitektur kewangan antarabangsa (IFA).

Kerjasama Kewangan Serantau

Krisis kewangan dan ekonomi yang berlaku pada 1997-1998 telah meningkatkan kesedaran tentang perlunya perubahan terhadap struktur ekonomi dan kewangan yang sedia ada. Ini menghasilkan usaha-usaha kerjasama serantau dan antarabangsa bagi memperkenalkan pelbagai inisiatif untuk mengelakkan berulangnya krisis

tersebut serta memastikan pertumbuhan mapan ekonomi di rantau ini.

Inisiatif Menteri-Menteri Kewangan ASEAN telah menumpukan usaha untuk mengeluarkan rantau ini daripada krisis serta memperbaiki keupayaan institusi jangka panjang di kalangan negara-negara anggota. Untuk tujuan ini, pada Mac 1999, Menteri-Menteri Kewangan ASEAN telah menubuhkan Proses Pemantauan ASEAN bagi menggalakkan pertukaran pendapat yang telus dan terbuka di kalangan anggota-anggota ASEAN mengenai perkembangan semasa dalam sektor ekonomi dan kewangan dan kesannya ke atas rantau ini. Berikutan itu, pada Mac 2000, anggota-anggota ASEAN bersetuju untuk membesarkan dana Pengaturan *Swap* ASEAN yang mula ditubuhkan pada 5 Ogos 1997 di kalangan lima negara anggota serta membukanya kepada anggota ASEAN yang lain. Objektif utama pengaturan tersebut adalah untuk memperuntukkan kemudahan *swap* jangka pendek bagi faedah negara-negara anggota yang mengalami masalah kecairan sementara dan mencerminkan kerjasama rapat di kalangan anggota ASEAN dalam menggalakkan kestabilan kewangan di rantau ini.

Bagi memperkukuhkan rantau **Asia Timur**, Rangkakerja ASEAN+3 (China, Jepun dan Republik Korea) telah bersetuju memperkukuhkan rangka kerjasama yang sedia ada di antara bank pusat dan pihak berkuasa kewangan di rantau ini dengan mengumumkan **Inisiatif Chiang Mai** pada 6 Mei 2000. Inisiatif tersebut melibatkan penubuhan rangkaian dua hala perjanjian *swap* dan belian-balik di antara negara-negara Asia Timur.

Untuk mengelakkan krisis berulang dalam jangka panjang, pengaturan kewangan kerjasama serantau sedang dipertimbangkan untuk melengkap dan menambahkan sumber kewangan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF). Penubuhan tabung serantau seperti **Tabung Kewangan Asia** (AMF) dijangka akan meningkatkan keupayaan serantau bagi memperuntukkan sumber kewangan yang mencukupi dan bertepatan masa untuk memastikan kestabilan kewangan di rantau Asia Timur.

Di peringkat antarabangsa, kelemahan IFA perlu diberi perhatian. Perkara yang perlu diubah termasuklah mengkaji semula mengenai peranan institusi kewangan antarabangsa (IFI) seperti IMF dan Bank Dunia, memastikan keseimbangan dalam menggalakkan ketelusan dan amalan terbaik di

kalangan negara maju dan membangun serta di sektor awam dan swasta, dan memastikan penglibatan yang berkesan di kalangan negara membangun serta penglibatan sektor swasta dalam pengurusan dan penyelesaian krisis.

Dalam konteks ini, beberapa forum negara membangun telah menggesa agar peranan IMF dan Bank Dunia dikaji semula, terutamanya peranan IFI dalam membantu memperbaiki keupayaan sistem kewangan serantau bagi mengelak atau mengurangkan kesan krisis di masa depan. Perubahan di dalam sistem kewangan antarabangsa juga harus mengambilkira kepentingan dan kedudukan semua negara, dengan melibatkan negara perindustrian dan negara membangun sebagai rakan setaraf dalam melaksanakan sebarang perubahan. Seterusnya, sektor swasta termasuk institusi-institusi berleveraj tinggi (HLI) dan agensi-agensi penarafan kredit antarabangsa harus mematuhi piawaian ketelusan agar lebih bertanggungjawab dalam segala tindakan, khususnya yang berkaitan dengan aliran modal merentasi sempadan. Ini seharusnya meliputi penubuhan piawaian berhemat dan peraturan antarabangsa yang sesuai bagi menangani manipulasi pasaran, terutamanya dari segi pendedahan bank-bank perdagangan terhadap HLI untuk mengelakkan ketidakstabilan yang berlebihan dalam aktiviti aliran modal jangka pendek yang merentasi sempadan.

Cabaran dan Prospek Pertumbuhan bagi 2001

Kedudukan ekonomi dunia pada tahun 2001 dijangka positif walaupun masih terdapat beberapa risiko dan ketidaktentuan yang boleh menggugat pertumbuhan global serta momentum perdagangan yang kukuh. Beberapa ketidakseimbangan ekonomi, kewangan dan struktur terus wujud di antara AS, kawasan euro dan Jepun, terutamanya dari segi pembangunan yang berbeza, kadar pertumbuhan permintaan yang berlainan, ketidakseimbangan akaun semasa, mata wang yang tidak sejajar serta nilai ekuiti yang tinggi. Sebarang pembetulan mengejut ke atas ketidakseimbangan ini akan mencetuskan risiko yang tinggi kepada kestabilan ekonomi global sekiranya tidak ditangani sewajarnya. Ekonomi-ekonomi baru kekal lemah dan mudah terjejas berikutan daripada perubahan besar mata wang utama. Walau bagaimanapun, masih terdapat

kemungkinan positif bahawa pertumbuhan ekonomi AS tidak akan merosot dengan mengejut dengan dapat membendung sebarang kesan buruk.

Satu lagi risiko yang dijangka adalah kenaikan harga minyak yang berlaku baru-baru ini. Sekiranya berlaku tanpa kawalan ia mungkin akan menjejaskan permintaan global dan mengakibatkan kadar inflasi yang melonjak. Walau bagaimanapun, langkah-langkah yang diambil oleh negara-negara OPEC dan negara-negara pengeluar minyak yang lain untuk meningkatkan tahap pengeluaran dijangka dapat menstabilkan harga minyak pada tahun 2001.

Dengan andaian ekonomi global dijangka stabil, terutamanya tanpa tekanan semula dalam pasaran kewangan, pertumbuhan diramalkan kekal kukuh pada kadar 4.2%. Pertumbuhan kegiatan ekonomi di negara-negara perindustrian diramalkan sederhana pada kadar 3% manakala di negara-negara membangun ianya diramalkan kekal kukuh pada 5.7%. Pertumbuhan ekonomi peralihan dijangka berkembang mantap pada kadar 4.1% pada tahun 2001. Selaras dengan kedudukan ekonomi dunia yang bertambah baik, pertumbuhan perdagangan dunia dijangka kekal kukuh pada kadar 7.8%. Sementara itu, tekanan inflasi diramalkan kekal rendah.

Ekonomi **AS** diramalkan mengalami penurunan kadar pertumbuhan yang sederhana dan mencatatkan kadar 3.2% hasil daripada dasar kewangan yang ketat untuk mengawal tekanan inflasi. Kegiatan ekonomi dijangka semakin perlahan akibat daripada penguncupan yang disebabkan oleh peningkatan benar dolar AS serta kenaikan harga minyak. Defisit akaun semasa diramalkan meningkat kepada AS\$438,000 juta selaras dengan jangkaan bahawa import akan terus melebihi eksport. Di **Kanada**, pertumbuhan KDNK dijangka berkurang kepada 2.7% akibat daripada dasar kewangan yang diperketatkan dan pertumbuhan AS yang dijangka semakin perlahan. Kadar pengangguran diramalkan menurun kurang daripada 6.7%, iaitu kadar yang paling rendah sejak pertengahan 1970an dan akaun semasa dijangka mencatatkan lebihan.

Ekonomi **Amerika Latin** diramal kembali kukuh dengan mencatatkan pertumbuhan 4.5% dalam situasi harga pengguna yang menurun. Ekonomi **Argentina**, **Brazil** dan **Venezuela** diramal kukuh dengan kadar pertumbuhan KDNK masing-masing

sebanyak 3.7%, 4.5% dan 3%. Ekonomi **Mexico** pula diramal berkembang perlahan pada tahap 4.8% berikutan daripada ekonomi AS yang perlahan serta dasar fiskal dan kewangan yang ketat. Kadar inflasi bagi rantau tersebut diramal menurun kepada paras 7% disebabkan dasar kewangan yang ketat di Amerika Latin. Di peringkat negeri, kadar inflasi di Argentina diramal berada pada tahap 0.5%, Brazil 5%, Mexico 8.2% dan Venezuela 16%.

Di **EU**, prospek pertumbuhan diramalkan baik pada kadar purata 3.4% manakala inflasi kekal stabil pada 1.7% dan kadar pengangguran menurun kepada 8.3%. Kadar pertumbuhan di **UK** diramalkan turun kepada 2.8% berikutan daripada kenaikan dalam kadar faedah benar dan permintaan dalam negeri yang rendah. Kadar inflasi dijangka kekal stabil pada 2.4% manakala pasaran buruh diramal kekal ketat dengan kadar pengangguran sebanyak 4%. Di **Jerman**, pertumbuhan keluaran dijangka meningkat kepada 3.3% selaras dengan pemulihan kegiatan ekonomi di Eropah dan kepesatan pertumbuhan perdagangan dunia. Kadar inflasi dijangka menurun kepada 1.5% manakala kadar pengangguran terus berkurangan kepada 7.6%. Pertumbuhan KDNK diramalkan meningkat pada kadar 3.5% di **Perancis** terutamanya kerana kenaikan permintaan dalam negeri. Kadar inflasi diramalkan menurun kepada 1.1% akibat daripada cukai nilai ditambah yang semakin rendah manakala kadar pengangguran dijangka berkurang lagi kepada 8.8%.

Pertumbuhan ekonomi **Asia Timur** dijangka stabil. Ekonomi **Jepun** dijangka pulih didorong oleh perbelanjaan awam dan dasar menggalakkan pembinaan perumahan. Pertumbuhan diramalkan meningkat kepada 1.8% pada tahun 2001 dengan lebihan akaun semasa meningkat kepada

AS\$122,000 juta. Pertumbuhan di **China** akan terus kukuh dan dijangka mencatatkan kadar 7.3%. Di **Korea Selatan**, pertumbuhan ekonomi diramalkan perlahan kepada 6.5%, disebabkan oleh pengeluaran yang berkurang dan kesan penguncupan jangka pendek akibat daripada penstrukturan semula ekonomi yang berterusan. **Taiwan** dijangka terus mengekalkan pertumbuhannya pada kadar sederhana 6%, disokong khususnya oleh pertumbuhan permintaan dalam negeri yang kukuh. Pertumbuhan ekonomi di **Hong Kong SAR** diramal semakin perlahan kepada 4.8%. Sumbangan perdagangan kepada KDNK mungkin akan menurun pada tahun 2001, dengan pertumbuhan import dijangka lebih sederhana sementara eksport dijangka menguncup. Di empat negara **ASEAN** yang terjejas teruk, pertumbuhan KDNK diramalkan antara 4.5% dan 7% selaras dengan peningkatan kegiatan ekonomi baru-baru ini diikuti oleh penambahan permintaan dalam negeri yang ketara.

Di **Asia Selatan**, prestasi ekonomi terus baik. Kadar pertumbuhan **India** dan **Pakistan** diramal meningkat pada kadar 6.5% dan 5.3% selaras dengan usaha negara-negara ini meneruskan pembaharuan struktur sektor pertanian dan perindustrian mereka bagi mengukuhkan lagi ekonomi kedua-dua negara.

Pertumbuhan ekonomi di **Timur Tengah** diramal menurun kepada kadar 3.6% pada tahun 2001. Namun begitu, ekonomi-ekonomi yang lebih besar di rantau tersebut seperti **Arab Saudi**, **Iran** dan **Mesir** akan terus mencatat kadar pertumbuhan yang stabil. Di **Afrika**, pertumbuhan diramal terus meningkat kepada 4.4%.